

PERDAGANGAN MATA WANG ATAS TALIAN (ONLINE FOREX TRADING): KEWAJARAN PENGHARAMANNYA DARI PERSPEKTIF SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Nik Rahim bin Nik Wajisiⁱ, Nurliyana Shahira binti Baharliⁱⁱ

(Penulis koresponden) Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. drnikrahim@usim.edu.my

Abstrak

Perdagangan mata wang atas talian (PMWAT) atau Online forex trading (OFT) adalah di antara jenis perdagangan yang semakin mendapat perhatian masyarakat pada masa kini. Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menjadikan PMWAT ini semakin mendapat perhatian bagi dijadikan sumber pendapatan pantas bagi mengatasi masalah kewangan yang dihadapi. Satu fakta yang tidak dapat dinafikan PMWAT adalah di antara jenis perdagangan yang mempunyai tahap kecairan (liquidity) yang paling tinggi dalam pasaran kewangan dunia. Namun begitu, isu berkaitan pengharaman PMWAT masih menjadi perdebatan oleh pelbagai latar belakang masyarakat meskipun telah wujud fatwa yang mengharamkan urus niaga ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis kitab-kitab fiqh serta artikel dan jurnal bagi mengupas isu kedudukan PMWAT menurut perspektif Syariah serta undang-undang di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa PMWAT adalah jenis perdagangan yang mempunyai rukun-rukun dan syarat-syarat khas kerana ianya termasuk dalam kategori Bai' al-Sarf. Analisis kajian turut mendapati bahawa sistem PMWAT yang digunapakai pada masa kini adalah bertentangan dengan rukun dan syarat muamalat menurut syarak. Maka, hasil kajian berpandangan bahawa terdapat kewajaran dalam pengharaman PMWAT berdasarkan beberapa isu yang dibincangkan dalam artikel ini.

Kata kunci: perdagangan mata wang, forex, syariah, Bai' al-Sarf, pengharaman

PENDAHULUAN

Perdagangan mata wang asing atau lebih dikenali sebagai Foreign Exchange dengan singkatannya sebagai forex dalam bahasa Inggeris, merupakan perdagangan mata wang terbesar dalam pasaran kewangan dunia. Faktor perbezaan masa antara negara-negara dunia menjadikan forex terus beroperasi 24 jam sehari iaitu pada hari Isnin hingga Jumaat. Operasi forex bermula di kawasan Australasia yang merangkumi Australia, New Zealand dan kepulauan New Guinea, diikuti oleh benua Eropah dan akhirnya Amerika Utara.¹

¹ - <https://www.investopedia.com/ask/answers/how-forex-market-trade-24-hours-day/> -dilihat pada 17.6.2021

Urus niaga ini adalah berbeza dengan pasaran wang yang hanya melibatkan mata wang tempatan. Kebiasaannya, bank konvensional menawarkan tiga urus niaga pertukaran asing yang utama iaitu FX Spot, FX Forward dan FX Swap bagi memenuhi keperluan pelanggan mereka dan pengurusan mata wang di institusi perbankan masing-masing (Abdul Rahman & Joni Tamkin, 2017).

Kini, PMWAT menjadi salah satu aktiviti yang menarik minat sebahagian umat Islam. Antara faktor yang menarik mereka terjebak dengan PMWAT ini adalah kerana kesempitan kewangan akibat pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mengakibatkan ramai anggota masyarakat yang hilang pekerjaan dan terpaksa mencari sumber kewangan yang pantas bagi memenuhi keperluan mereka dan keluarga. Selain itu juga, kemudahan memasuki dan menyertai aktiviti ini juga menjadi salah satu pendorong kepada penglibatan masyarakat dalam PMWAT. Ini kerana semua aktiviti PMWAT dijalankan dalam talian sama ada melalui internet atau melalui aplikasi pada telefon mudah alih.

Menurut laporan yang dikeluarkan Bank of International Settlements (BIS), jumlah dagangan harian pertukaran wang asing pada April 2016 adalah sebanyak USD5.1 trilion (Rafiqah, 2020). Faktor keuntungan yang dicapai dengan kadar yang tinggi dan pantas menjadi salah satu faktor yang menyebabkan perdagangan ini menjadi "*trend*" yang diminati oleh sebahagian masyarakat (Nor Khosiah, 2020). Namun ramai tidak menyedari bahawa segala aktiviti urus niaga mata wang asing adalah dilarang kerana ia menyalahi undang-undang negara. Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 menyebutkan bahawa segala aktiviti urus niaga mata wang asing adalah dilarang sama ada urus niaga tersebut melibatkan orang persendirian atau syarikat di dalam Malaysia dengan mana-mana individu yang tidak diberi kuasa atau kebenaran oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Lanjutan itu, terdapat pelbagai pandangan dan perdebatan di antara ahli kewangan, pakar muamalat Islam dan ahli akademik berkenaan kedudukan PMWAT menurut perspektif Syariah. Maka, perdagangan mata wang dalam talian ini perlu diteliti agar setiap muamalat yang berlaku mestilah menepati dan berlandaskan hukum Syarak. Ini kerana, kejahilan mengenai ilmu muamalat ini menyebabkan masyarakat akan terjerumus ke dalam kancang rezeki yang haram. Justeru itu, artikel ini akan membincangkan kewajaran pengharaman PMWAT menurut perspektif Syariah serta kedudukannya menurut undang-undang di Malaysia.

FOREX MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

Setiap muamalat yang telah memenuhi segala rukun dan syarat jual beli dianggap sah di sisi Syarak. Forex adalah urus niaga yang melibatkan mata wang dan disebut sebagai al-Sarf menurut fiqh muamalat. Maka, terdapat rukun dan syarat khusus yang membolehkan Bai' al-Sarf sah dan diharuskan di sisi Syarak.

Di dalam fiqh muamalat, terdapat perbincangan khusus mengenai perdagangan mata wang atau forex yang disebut sebagai Bai' al-Sarf. Bai' al-Sarf daripada sudut bahasa adalah bermaksud lebihan dan tambahan atau penolakan dan perubahan. Manakala dari sudut istilah menurut mazhab Syafie, Bai' al-Sarf adalah jual beli dua barangan yang kedua-duanya terdiri daripada jenis mata wang atau jual beli wang dengan wang. Mata wang yang dimaksudkan dalam takrif ini adalah merujuk kepada mata wang dirham atau dinar atau mana-mana jenis mata wang seumpamanya. Kedua-dua barangan ini adalah daripada emas dan perak yang tulen, sama ada dibentuk, diacu dan sebagainya (Mustafa al-Bugha et al., 1992).

Berdasarkan takrifan tersebut, jelas menunjukkan bahawa segala jenis urusan niaga yang berpandukan mata wang seperti yang berlaku pada hari ini adalah merujuk kepada hukum Bai al-Sarf. Perdagangan mata wang atau Bai' al-Sarf adalah sah dan dibenarkan berdasarkan hadith-hadith yang menjelaskan kesahihan jual beli al-Sarf setelah memenuhi segala rukun jual beli dan syarat. Selain itu, Bai al-Sarf adalah terdiri daripada jenis-jenis jual beli. Maka, rukun dan syarat asas jual beli adalah terpakai ke atas Bai' al-Sarf kecuali jika disarakatkan sesuatu yang khusus di dalam jual beli ini (Al-Jaziri, 2003).

Bai al-Sarf adalah jual beli barangan daripada jenis ribawi dan wujud 'illah riba iaitu mata wang. Maka, jual beli barangan berunsur riba adalah sah dan dibenarkan oleh syarak setelah memenuhi empat syarat iaitu jual beli terdiri daripada barangan yang sama, berlaku urusan niaga secara serta merta, jual beli berlaku dalam majlis akad dan akad bersifat muktamad. Ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Ubadah Ibn al-Samit, bahawa Rasulullah SAW bersabda²:

"الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ مِثْلًا بِمِثْلِ سَوَاءٍ بِسَوَاءٍ يَدًا بِيَدٍ فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَبِيعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ"

Maksudnya: "Terjemahan: (Tukarlah) emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam dengan sama kuantiti dan tangan dengan tangan (qabd). Apabila berlainan jenis maka tukarlah mengikut yang kamu suka apabila ia dilakukan dengan tangan dengan tangan (qabd)."

Hadis di atas menjelaskan bahawa setiap urusan niaga daripada barangan berunsur ribawi mestilah sama dari sudut timbangan, tidak boleh berlebihan atau tafadul. Selain itu, dimestikan bersifat taqabud iaitu jual beli ini boleh diserahkan serta

² Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Musāqah, Bāb al-Şarf wa Bay' al-Dhahab bi al-Wariq Naqdan, no. hadith 1587. Lihat Muslim, Şaḥīḥ Muslim, 3:1211.

merta dan tidak boleh bersifat tangguh atau ta'jil. Berikut adalah penjelasan lanjut mengenai syarat-syarat sah Bai' al-Sarf:

1. Persamaan dari sudut jenis dan timbangan

Para fuqaha bersetuju bahawa jual beli yang melibatkan mata wang mestilah terdiri daripada mata wang yang sama jenis seperti jual beli emas dengan emas, perak dengan perak. Ini bermakna, Bai' al-Sarf sama dari sudut jenis dan timbangan. Tidak sah jual beli tersebut sekiranya terdapat penambahan atau lebihan daripada salah satu bahagian. Sekiranya jual beli tersebut daripada barangan ribawi berlainan jenis seperti jual beli emas dengan perak, maka diharuskan lebihan atau berlainan timbangan atau bahagian.

2. Penyerahan secara serta merta

Disyaratkan untuk Bai' al-Sarf dilakukan secara serta merta. Tidak sah sesuatu jual beli di antara emas dengan emas, atau perak dengan perak secara tangguh. Ini bermaksud, syarat jual beli mata wang adalah mesti tidak wujud jarak masa bagi penyerahan barangan tersebut. Sekiranya penyerahan barangan tidak dapat dilakukan pada waktu akad, maka tidak sah jual beli tersebut berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Umar al-Khattab bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

“الْوَرَقُ الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ رَبًّا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ، وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ رَبًّا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ، وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ رَبًّا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ، وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ رَبًّا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ”

Maksudnya: Menukar perak dengan emas adalah riba kecuali serahan pada waktu yang sama. Menukar gandum dengan gandum adalah riba kecuali serahan pada waktu yang sama. Menukar barli dengan barli adalah riba kecuali serahan pada waktu yang sama. Menukar kurma dengan kurma adalah riba kecuali penyerahan pada waktu yang sama.

3. Penyerahan di dalam majlis akad

Jumhur fuqaha bersepakat bahawa Bai' al-Sarf mestilah diserahkan dalam majlis akad. Jika barangan diserahkan selepas berpisah daripada majlis akad, maka tidak sah jual beli tersebut (Al-Jaziri, 2003). Apa yang dimaksudkan dengan bertukar tangan di sini adalah berlaku perbuatan secara hakiki. Jika kedua-dua pihak berjalan seiringan ke satu arah, ia masih disifatkan dalam majlis akad. Namun, sekiranya kedua-dua pihak berjalan berlainan arah, maka tamat majlis akad tersebut (Mustafa al-Bugha et al., 1992).

4. Akad bersifat muktamad

Akad bagi Bai' al-Sarf adalah bermaksud lafaz jual beli yang tidak meletakkan apa-apa syarat. Sekiranya kedua-dua pihak meletakkan syarat dalam jual beli

ini, maka salah satu pihak berhak menuntut khiyar. Khiyar syarat menyebabkan sesuatu barangan tidak dapat dimiliki pada majlis akad (Wahbah Zuhaili, 1984). Namun begitu, Bai' al-Sarf mestilah dilakukan secara serta merta tanpa penangguhan, maka khiyar syarat membuka ruang untuk penangguhan sesuatu urusan niaga. Maka, Akad jual beli al-sarf mesti bebas daripada khiyar al-syarat.

Seterusnya, Bai' al-Sarf adalah termasuk dalam jenis-jenis jual beli (Wahbah Zuhaili, 1984). Maka, Bai al-Sarf adalah tertakluk kepada rukun jual beli yang telah ditetapkan oleh Syarak. Sekiranya akad Bai' al-Sarf tidak memenuhi rukun jual beli, maka urusan niaga tersebut adalah fasid dan terbatal menurut syarak. Terdapat tiga rukun jual beli yang perlu dipenuhi iaitu sighth iaitu lafaz jual beli, 'aqidani iaitu penjual dan pembeli dan ma'qud alaih iaitu barang atau benda yang menjadi objek akad (Mustafa al-Bugha et al., 1992).

Terdapat pelbagai pandangan dan hujah dalam menentukan kedudukan mata wang sebagai salah satu daripada barang ribawi yang mesti memenuhi syarat dan rukun Bai' al-Sarf. Hal ini kerana, perbicangan Bai' al-Sarf dalam kitab-kitab fiqh merujuk kepada emas dan perak yang menjadi alat pertukaran pada masa tersebut. Justeru itu, urusan niaga pertukaran mata wang hanya mula dibincangkan secara khusus oleh ulama kontemporari yang meliputi urusan niaga forex berdasarkan perspektif Syariah.

Oleh yang demikian, terdapat fatwa yang dikeluarkan oleh Lembaga Ulama Besar Arab Saudi, Akademi Fiqh Islam Liga Dunia Islam, Akademi Fiqh Islam Antarabangsa OIC dan Akademi Fiqh Islam India menyatakan bahawa wang kertas adalah alat pertukaran dan tertakluk kepada hukum riba sebagaimana pada emas dan perak. Maka, jual beli wang kertas perlu mematuhi al-şarf supaya tidak mengandungi elemen riba yang diharamkan. Hal ini kerana, wang kertas ialah mata wang dan ia adalah *thamāniyyah* (mata wang) yang sempurna. Wang kertas tertakluk kepada semua hukum bagi emas dan perak seperti hukum riba, zakat, salam dan sebagainya (Abdul Rahman & Joni Tamkin, 2017).

KEDUDUKAN FOREX MENURUT UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Setiap perdagangan atau urusan niaga di mana-mana negara termasuk Malaysia adalah dikawal selia oleh undang-undang dan badan-badan tertentu agar ianya menjamin keselamatan kewangan seseorang individu atau syarikat. Maka, terdapat beberapa undang-undang yang mengikat dan terpakai ke atas mana-mana pihak yang terlibat dengan perdagangan mata wang asing atau forex serta beberapa badan turut terlibat dalam mengawal selia sistem perdagangan forex di Malaysia.

Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 adalah merupakan akta utama yang mengawal operasi serta pengendalian perdagangan forex di Malaysia. Manakala, Bank Negara Malaysia (BNM) adalah institusi atau badan yang telah diberikan kuasa untuk

mentadbir akta tersebut (Anifowose, 2019). Menurut seksyen 4(1) Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, kesemua transaksi berkaitan *forex* sama ada perdagangan atau seumpamanya mestilah dijalankan menerusi peniaga-peniaga yang diberi kuasa (*authorised dealers*) iaitu bank-bank tempatan yang berlesen. Ini bermaksud, semua transaksi *forex* di Malaysia mestilah dilakukan dengan mana-mana pihak yang diberi kuasa untuk menawarkan perkhidmatan perdagangan mata wang asing. Seksyen 4 (1) Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 memperuntukkan seperti berikut:

Except with the permission of the Controller, no person, other than an authorized dealer, shall, in Malaysia –

- 1. buy or borrow any gold or foreign currency from;*
- 2. sell or lend any gold or foreign currency to; or*
- 3. do any act which involves, is in association with, or is preparatory to, buying or borrowing any gold or foreign currency from, or selling or lending any gold or foreign currency to, any person other than an authorized dealer.*

Sebuah artikel yang diterbitkan oleh BNM di bawah tajuk *Urus Niaga Mata Wang Asing (Forex) Haram* menyatakan bahawa perdagangan *forex* yang diharamkan adalah merujuk kepada aktiviti jual beli mata wang asing antara orang persendirian atau syarikat dalam Malaysia dengan mana-mana individu yang tidak diberi kuasa atau kebenaran oleh BNM di bawah di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Mohd Yusof, 2016).

Selain itu, adalah menjadi suatu kesalahan jika seseorang individu di Malaysia membeli atau menjual mata wang asing (*forex*) atau melakukan apa-apa tindakan yang melibatkan, berhubung dengan, atau persediaan untuk, membeli atau menjual mata wang asing dengan mana-mana orang, selain daripada peniaga yang dibenarkan (*authorised dealer*). Di bawah Akta ini juga, adalah satu kesalahan untuk seseorang itu membantu atau bersubahat dengan orang lain untuk membeli atau menjual mata wang asing dengan mana-mana orang, kecuali orang tersebut ialah peniaga yang dibenarkan.

Selain daripada Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 yang mengawal selia urus niaga komoditi berkaitan pertukaran asing seperti emas, sekuriti dan mata wang, terdapat beberapa akta lain yang mengikat dan terpakai ke atas perdagangan mata wang atas talian iaitu Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 yang mengawal semua urusan perniagaan dan Akta Pengubahan Wang 1998 yang memperuntukkan undang-undang berkenaan perlesenan dan apa-apa perniagaan yang melibatkan pengubahan wang.

Manakala, institusi atau badan yang mengawal selia urusan perdagangan mata wang adalah Bank Negara Malaysia (BNM). Institusi ini turut disokong oleh Lembaga

Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Agensi Akreditasi Kewangan (FAA) dan Majlis Penasihat Syariah (SAC). Perdagangan forex dikawal selia oleh perundangan disebabkan pasaran forex merupakan pasaran yang terbesar dan paling cair di pasaran dunia. Ini kerana, semua pihak boleh melibatkan diri dalam perdagangan forex termasuklah orang persendirian, syarikat-syarikat tempatan atau multinasional dan bank pusat (Asmadi Mohamed et al, 2011).

ISU SYARIAH DALAM ONLINE FOREX TRADING (PERDAGANGAN MATA WANG ATAS TALIAN)

Perdagangan forex boleh diklasifikasikan kepada tiga kaedah bagi membolehkan sesuatu pihak melibatkan diri dalam pasaran perdagangan mata wang asing iaitu pasaran lani (spot market), niaga hadapan matawang (currency futures) dan opsi matawang (currency option) (Asmadi Mohamed et al, 2011). Berdasarkan tiga kaedah urus niaga tersebut, timbul beberapa isu Syariah yang menyebabkan muamalat ini diragui kesahannya menurut syarak dan membawa kepada kewajaran pengharaman perdagangan forex. Antara isu-isu utama yang menyebabkan suatu urus niaga berkaitan forex adalah tidak sah dan terbatal menurut syarak adalah seperti berikut:

1. Wujud Unsur Spekulasi Dan Perjudian

Setiap jual beli yang mengandungi unsur perjudian adalah haram menurut syarak. Ini berdasarkan firman Allah SWT di dalam surah al-Maidah ayat 90:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.*

Nas al-Quran di atas jelas menunjukkan pengharaman *al-Maysir*. Merujuk kepada konteks perdagangan forex, kebanyakan laman sesawang (*website*) atau platform *online trading* menyatakan secara jelas bahawa terdapat risiko yang tinggi "Risk disclosure/risk warning" terhadap urus niaga ini seperti "you acknowledge that you run a great risk of incurring losses and damages as a result of the purchase and/or sale of any security as such transactions undertaken through the dealing services of the company may be of a speculative nature" (FMX Trading Point Group, 2021).

Berdasarkan pernyataan di atas jelas menunjukkan bahawa perdagangan forex adalah sesuatu urusan jual beli yang tidak pasti akan keuntungan atau kerugiannya. Maka, jual beli forex adalah berdasarkan spekulasi dan berisiko tinggi untuk mengalami kerugian. Spekulasi sering dikaitkan dengan pelaburan jangka masa pendek dan cubaan untuk bertaruh ke atas kenaikan harga sesuatu stok atau aset yang boleh membawa kepada risiko melampau dan perjudian (Sherin Kunhibava, 2014). Manakala, perjudian boleh didefinisikan sebagai *applied figuratively to the commitment of money on any venture with a high degree of risk* (John O E Clark, 2001). Definisi perjudian ini bertepatan dengan kaedah perjudian menurut al-Tabari (2000) iaitu:

كل شيء له خطر فهو من الميسير

Maksudnya: *Setiap sesuatu yang terdapat risiko maka ia termasuk dalam kategori judi*"

Meskipun secara asasnya wujudnya spekulasi tidak menyebabkan sesuatu urusan niaga diharamkan menurut syarak, namun kewujudan sifat perjudian dalam suatu urusan termasuk jual beli adalah jelas pengharamannya di sisi syarak. Di dalam konteks perdagangan forex, pedagang yang membuka posisi tidak mengetahui keuntungannya secara jelas yang bakal diperolehi ketika akad selepas "*close position*". Maka, sistem forex secara relatifnya bergantung kepada turun naik pasaran matawang. Hal ini menunjukkan bahawa perdagangan forex mengandungi unsur perjudian berdasarkan angka atau harga dalam pasaran kewangan. Selain itu, pihak-pihak akan membuat spekulasi harga untuk meraih manfaat bagi mereka dan memudaratkan orang lain. Perdagangan forex melalui kaedah *individual spot forex* secara online adalah bersifat spekulasi dan perjudian yang menyebabkan urusan niaga tersebut tidak menepati tuntutan syarak (Marjan Muhammad et al., 2011). Pembelian secara 'margin' umumnya turut diiktiraf oleh pakar kewangan sebagai salah satu bentuk perjudian dan perkara tersebut diharamkan oleh Syarak (Syauqi Ahmad, t.t).

2. Perdagangan Tidak Berlandaskan Bai' al-Sarf

Perdagangan forex adalah urusan niaga yang melibatkan mata wang asing. Maka, suatu perdagangan yang melibatkan mata wang mestilah menepati syarat-syarat Bai' al-Sarf supaya muamalat ini sah dan dibenarkan di sisi syarak. Namun begitu, perdagangan forex secara jelas tidak menepati syarat-syarat Bai' al-Sarf iaitu tiada serahan secara serta merta atau *al-Qabd* dalam majlis akad. Menurut Bank Negara Malaysia (BNM), kaedah *qabd* sama ada secara *qabd hukmi* atau *qabd hakiki* adalah diterima dalam perdagangan forex. Selain itu, jumhur fuqaha bersepakat bahawa jual beli al-Sarf mestilah memenuhi empat syarat dan salah satu daripadanya adalah mesti berlaku penyerahan secara serta merta

dalam majlis akad tanpa tangguh. Ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Ubadah Ibn al-Samit, bahawa Rasulullah SAW bersabda³:

"الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمَلْحُ بِالمَلْحِ مِثْلًا بِمِثْلٍ سَوَاءٌ بِسَوَاءٍ يَدًا بِيَدٍ فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَبِعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ"

Maksudnya: "Terjemahan: (Tukarlah) emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam dengan sama kuantiti dan tangan dengan tangan (qabḍ). Apabila berlainan jenis maka tukarlah mengikut yang kamu suka apabila ia dilakukan dengan tangan dengan tangan (qabḍ)."

Ini bermaksud, setiap jual beli dua perkara barang ribawi mestilah berlaku penyerahan barang secara serta merta tanpa berlaku sebarang penangguhan di dalam majlis akad. Melihat dalam konteks perdagangan forex, barang yang menjadi timbang balas adalah mata wang asing. Terdapat fatwa yang dikeluarkan oleh Lembaga Ulama Besar Arab Saudi, Akademi Fiqh Islam Liga Dunia Islam, Akademi Fiqh Islam Antarabangsa OIC dan Akademi Fiqh Islam India menyatakan bahawa wang kertas adalah alat pertukaran dan tertakluk kepada hukum riba sebagaimana pada emas dan perak. Maka, jual beli wang kertas perlu mematuhi al-sarf supaya tidak mengandungi elemen riba yang diharamkan. Maka, diwajibkan untuk berlakunya penyerahan barang secara serta merta dalam majlis akad.

Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang Bil 1/2012 yang bersidang pada 14-15 Mac 2012 menegaskan bahawa perdagangan pertukaran mata wang asing (forex) oleh individu secara lani (*individual spot forex*) melalui platform elektronik adalah melibatkan item ribawi (iaitu mata wang) dan dari sudut *fiqhiyyah* ia tertakluk di bawah hukum *Bay al-Sarf* yang perlu dipatuhi syarat-syarat umum jual beli dan syarat-syarat khusus bagi *Bay al-Sarf*.

Namun begitu, sistem operasi perdagangan forex secara ringkasnya dijalankan dengan kaedah "*open position*" dan "*close position*" terhadap instrument yang dipilih. Ini bermaksud, sekiranya anda membuka posisi atau "*open position*" terhadap sesuatu instrumen seperti dollar USD, broker tidak akan mengkreditkan secara serta merta mata wang yang dibeli ke dalam akaun pembeli. Ini kerana, selagi posisi dalam status "*open*", maka pembeli tidak akan dapat menikmati keuntungan daripada kenaikan harga mata wang sehingga menukar status "*close*" terhadap posisi tersebut atau dengan kata lain

³ Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Musāqah, Bāb al-Şarf wa Bay' al-Dhahab bi al-Wariq Naqdan, no. hadith 1587. Lihat Muslim, Şaḥīḥ Muslim, 3:1211.

bermaksud setelah mata wang tersebut dijual semula untuk mendapat keuntungan darinya.

Justeru itu, tidak berlaku penyerahan secara serta merta di dalam keadaan ini kerana mata wang yang dibeli ketika di dalam "*open position*" tidak akan dikreditkan ke dalam akaun pedagang sehingga mata wang tersebut dijual balik kepada broker pada keadaan "*close position*". Maka, jelas menunjukkan tidak berlaku "*taqabbud*" dalam perdagangan forex ketika pedagang membeli instrument untuk membuat "*open position*".

Kesimpulannya, pembelian mata wang untuk tujuan kenaikan harga bukanlah suatu keperluan yang boleh diharuskan untuk dilewatkan *qabd*. Justeru itu, urusan niaga dalam forex online ini tidak diharuskan kerana realiti pengamalan di dalam forex online itu sendiri di mana pelabur terus bertransaksi dengan matawang yang dibeli walaupun belum memperolehi wang tersebut (Asmadi Mohamed et al, 2011). Hal ini bertepatan dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang Bil 1/2012 yang bersidang pada 14-15 Mac 2012 menyatakan bahawa perdagangan pertukaran mata wang asing (*forex*) oleh individu secara *lani* (*individual spot forex*) melalui platform elektronik mengandungi unsur-unsur seperti riba melalui pengenaan *rollover interest*, pensyaratan jual beli dalam pemberian hutang melalui *leverage*, *qabd* yang tidak jelas ketika transaksi pertukaran, penjualan mata wang yang tiada dalam pegangan dan spekulasi yang melibatkan perjudian (Laman Rasmi JAKIM, 2021).

Selain itu ianya juga tidak sah dari sisi undang-undang Kerajaan Malaysia. Sehubungan itu, Mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa perdagangan pertukaran mata wang asing (*forex*) oleh individu secara *lani* (*individual spot forex*) melalui platform elektronik yang ada pada masa ini adalah haram kerana ia bercanggah dengan kehendak syarak dan juga tidak sah di sisi undang-undang negara. Selaras dengan itu, umat Islam adalah dilarang daripada melibatkan diri dalam perdagangan mata wang seumpama ini. Mesyuarat juga menegaskan bahawa keputusan yang diputuskan ini tidak terpakai ke atas urusan niaga pertukaran mata wang asing menerusi kaunter di pengurup wang berlesen dan urusan niaga pertukaran mata wang asing yang dikendalikan oleh institusi-institusi kewangan yang dilesenkan di bawah undang-undang Malaysia.

3. Isu Pengeluaran Fatwa yang Disepakati

Prinsip asas hukum Islam adalah bersifat *Rabbani* kerana asal penetapan hukum adalah daripada Allah SWT kerana iaNya yang hanya mampu menjawab setiap keperluan masyarakat sepanjang zaman. Maka, institusi fatwa bertindak sebagai institusi utama yang menjawab segala keperluan masyarakat (Rahimin Affandi et al., 2009). Fatwa menurut Ibn Manzur dalam kitab Lisan al-Arabi bermaksud suatu keputusan hukum yang dikeluarkan oleh faqih atau suatu perbuatan yang dilakukan oleh mufti mengenai sesuatu hukum (Zaini Nasohah, 2005). Perkembangan zaman menjadi faktor yang mendorong kelahiran isu-isu baru yang tidak dijelaskan secara jelas di dalam nas-nas Syarak yang memerlukan kepada ijtihad ulama. Maka, pandangan dan ijtihad ulama kontemporari amatlah penting dalam perkembangan 'uruf dan zaman.

Merujuk kepada perdagangan forex, ianya adalah salah satu dari jenis urus niaga yang baru. Ini kerana, mata wang asing tidak menjadi suatu komoditi atau barang perdagangan pada masa lalu. Maka, perkembangan jenis muamalat memerlukan kepada pencerahan dan penafsiran ulama kontemporari agar setiap perdagangan yang diguna pakai pada harini bertepatan dengan hukum syarak. Kupasan kepada kewajaran pengharaman perdagangan mata wang asing di Malaysia adalah kerana wujudnya fatwa-fatwa oleh ulama dunia yang bersepakat ke atas pengharaman forex.

Hal ini kerana fatwa yang dikeluarkan adalah berfungsi sebagai *tabyin* dan *tawjih*. Tabyin bermaksud menjelaskan hukum yang dinyatakan di dalam nas al-Quran atau as-Sunnah. Manakala, tawjih bermaksud memberikan petunjuk serta pencerahan kepada isu-isu kontemporari. Maka, fatwa mempunyai kedudukan yang sangat tinggi sebagai sumber hukum Islam. Ini kerana, fatwa adalah bersifat *ikhtiyariah* iaitu pilihan yang tidak mengikat secara terus namun mengikat bagi mereka yang memintanya. Bagi selain dari mustafti, fatwa adalah bersifat *i'laniyyah* iaitu sebagai sumber penjelasan sesuatu hukum (M. Erfan Riadi, 2011). Selain itu, fatwa amat berkait rapat dengan ijtihad kerana sesuatu fatwa tidak akan dikeluarkan melainkan setelah berlakunya kajian dan penyelidikan.

Isu berkaitan perdagangan mata wang asing ini telah dibincangkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada tahun 2012. Perbincangan tersebut adalah berkaitan hukum perdagangan pertukaran matawang asing oleh individu secara lani (*individual spot forex*) melalui platform elektronik. Keputusan muzakarah tersebut diputuskan setelah merujuk kepada taklimat dan penjelasan pakar daripada Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa Dalam Kewangan Islam (ISRA). Menurut muzakarah, perdagangan forex oleh individu secara lani (*individual spot forex*) melalui platform elektronik adalah jual beli yang melibatkan barang ribawi.

Maka, hukum jual beli tersebut adalah tertakluk kepada hukum Bai' al-Sarf. (JAKIM, 2015). Keputusan muzakarah adalah seperti berikut:

Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa perdagangan pertukaran mata wang asing (forex) oleh individu secara lani (individual spot forex) melalui platform elektronik yang ada pada masa ini adalah haram kerana ia bercanggah dengan kehendak syarak dan juga tidak sah dari sisi undang-undang negara. Selaras dengan itu, umat Islam adalah dilarang daripada melibatkan diri dalam perdagangan mata wang seumpama ini.

Muzakarah juga menegaskan bahawa keputusan yang diputuskan ini tidak terpakai ke atas urusan niaga pertukaran mata wang asing menerusi kaunter di pengurup wang berlesen dan urusan niaga pertukaran mata wang asing yang dikendalikan oleh institusi-institusi kewangan yang dilesenkan di bawah undang-undang Malaysia.

Selain itu, terdapat juga fatwa-fatwa negara lain yang turut memberikan pandangan yang sama seperti fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Ulama Indonesia (MUI) yang membahagikan hukum kepada dua perkara. Pertama, majlis memutuskan bahawa perdagangan forex dibolehkan sekiranya jual beli tersebut tidak berdasarkan spekulasi dan keuntungan semata-mata. Selain itu, fatwa turut menjelaskan bahawa perdagangan forex adalah dibenarkan sekiranya memenuhi empat syarat iaitu tiada spekulasi atau keuntungan semata-mata, wujud keperluan jual beli atau untuk simpanan, jual beli mestilah dilakukan secara taqabudh dan apabila berlainan jenis maka harus dilakukan pertukaran pada majlis akad dan secara tunai. Keadaan kedua adalah melihat kepada jenis pertukaran tersebut di mana *FX Spot* sahaja yang dibolehkan. Manakala, sama ada dilakukan secara *FX Forward*, *FX Swap* atau *FX Option* adalah diharamkan.

Pandangan Majlis Ulama Indonesia telah memperincikan hukum forex mengikut kaedah pelaksanaan jual beli tersebut sama ada dilakukan secara *FX Spot*, *FX Forward*, *FX Swap* atau *FX Option*. Ini adalah bertepatan dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Lembaga Syariah Al Rajhi Bank, Saudi Arabia melalui fatwa no. 195 dan Lembaga Syariah Bank Al Bilād, Saudi Arabia pula melalui Parameter no. 453. Kedua-dua fatwa ini mengharamkan *FX Forward* kerana tidak mematuhi syarat Bai' al-Sarf dan mengandungi unsur jual beli hutang dengan hutang yang diharamkan oleh syarak. Pandangan ini turut mengharamkan *FX Swap* kerana mengandungi elemen yang diharamkan syarak (Abdul Rahman & Joni Tamkin, 2017).

Kesimpulannya, terdapat fatwa-fatwa negara luar yang turut mengharamkan beberapa kaedah perdagangan forex yang dilihat tidak dapat memenuhi syarat-syarat Bai' al-Sarf serta mempunyai unsur-unsur riba. Meskipun fatwa adalah

bersifat sebagai penjelasan dan pencerahan terhadap isu-isu kontemporari, namun kaedah pengeluaran fatwa adalah bersumberkan dalil-dalil muttafaq alain serta melihat kepada dalil mukhtalaf fihih.

KESIMPULAN

Secara dasarnya, setiap mualamat adalah harus di sisi Syarak sehingga datangnya nas-nas muttafaq alaih daripada al-Quran, as-Sunnah, ijmak atau Qiyas yang jelas menunjukkan pengharaman ke atasnya. Dalam konteks perdagangan mata wang asing atas talian atau online forex trading, urus niaga tersebut secara jelas mempunyai unsur-unsur yang diharamkan oleh Syarak. Maka, jual beli tersebut perlulah memenuhi rukun dan syarat asal jual beli termasuk Bai' al-Sarf. Meskipun terdapat fatwa yang dikeluarkan oleh ulama-ulama sedunia berkenaan pengharaman perdagangan forex, urus niaga ini masih dilakukan oleh sebahagian umat Islam dengan melihat kepada kebiasaan dan penerimaan pasaran perdagangan forex secara meluas. Namun, perlu diingatkan bahawa perkara-perkara yang diterima secara meluas belum pasti diterima dan dibenarkan menurut syarak. Maka, penelitian secara mendalam perlu dilakukan oleh setiap pihak sebelum memulakan sebarang jenis jual beli agar urus niaga yang dijalankan tidak mempunyai sebarang unsur riba, maysir atau gharar serta memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam Islam. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan perlu dijadikan garis panduan oleh umat Islam di dalam urusan jual beli termasuk perdagangan forex kerana aktiviti pengeluaran fatwa hanya boleh dilakukan setelah berlakunya penyelidikan dan kajian penuh dan setiap fatwa adalah bersumberkan dalil-dalil muttafaq alaih serta merujuk kepada dalil-dalil mukhtalaf fihih.

RUJUKAN

- Abdul Rahman A Shukor & Joni Tamkin Borhan. 2017. *Foreign Exchange in Conventional Banking Industry: An Analysis from Shariah Perspective*. Syariah Journal Vol 25, no. 3 (2017) . Kuala Lumpur: University of Malaya
- Abdul Rahman al-Jaziri. 2003. *Kitab al-Fiqh Ala Mazahib al-Arba'ah*. Beirut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.
- Anifowose Abolaji Daniel. 2019. *Currency Order Flow, Exchange Rate Dynamics And Market Intervention: Empirical Evidence From The Malaysian And Thailand Foreign Exchange Markets*. Business & Finance Journal Vol. 10 No. 2. Owerri: Imo State University.
- Asmadi Mohamed Naim, Hasniza Mohd Taib & Muhammad Nasri Hussain. 2011. *Kefahaman Umum Terhadap Perdagangan Matawang (Forex) Dan Kedudukannya Dalam Syarak*. Muzakarah Ahli-Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan Di Malaysia Kali Ke-7 Pada 31 Mei 2011. UUM: Perpustakaan Sultanah Bahiyah

- FMX Trading Point Group.
<https://www.xmfxbroker.com/assets/pdf/new/docs/XMGlobal-Risk-Disclosures-for-Financial-Instruments.pdf?v8> (diakses pada 10 Julai 2021).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2015. *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatakuasa Fatwa Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. JAKIM: Bahagian Pengurusan Fatwa.
- JAKIM e-SMAF. <https://www.xmfxbroker.com/assets/pdf/new/docs/XMGlobal-Risk-Disclosures-for-Financial-Instruments.pdf?v8> (diakses pada 10 Julai 2021).
- John O E Clark. 2001. *Dictionary of International Insurance and Finance Terms*. Kent: Financial World Publishing
- M. Erfan Riadi. 2011. *Kedudukan Fatwa Ditinjau Dari Hukum Islam Dan Hukum Positif (Analisis Yuridis Normatif)*. ULUMUDDIN: Jurnal Pemikiran Hukum Islam. Vol 7, No. 1. Malang: University of Muhammadiyah.
- Marjan Muhammad, Lokmanulhakim Hussain, Mohamad @ Md Som Sujimonan & Wan Norhaziki Abdul Halim. 2011. *Operasi Perdagangan Pertukaran Matawang Asing oleh Individu Secara Lani (Individual Spot Forex) Melalui Platfom Elektronik: Satu Sorotan dari Sudut Syariah*. International Shariah Research Academy of Islamic Finance. Kuala Lumpur: ISRA
- Mohd Yusof Abdul Rahman. 2016. *Urus Niaga Mata Wang Asing (Forex) Haram*. Ringgit Edisi Okt 2016. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia
- Muhammad ibn Jarir al-Tabari. 2000. *al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Mustafa al-Bugha, Ali as-Syarjabi & Mustafa al-Khin. 1992. *Al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhab al-Imam as-Syafie*. Beirut: Dar al-Qalam
- Nur Khosiah. 2020. *Forex Trading Menurut Islam*. USRAH Jurnal Hukum Keluarga Islam Vol 1, No. 1. Jawa Timur: STAI Muhammadiyah Probolinggo.
- Rafiqah. 2020. *Analisis Shari'ah Compliance Pada Trading Forex Online*. MISYKAT Jurnal Ilmu-ilmu Al-Quran Hadist Syari ah dan Tarbiyah Vol 5, No 1. Indonesia.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail & Nor Hayati Mohd Dahlal. 2009. *Ijtihad Dalam Institusi Fatwa Di Malaysia: Satu Analisis*. Jurnal Syariah, Vol. 17, No. 1. Kuala Lumpur: Academy of Islamic Studies: University of Malaya.
- Shahram Moeeni & Komeil Tayebi. 2019. *Is It Necessary to Restrict Forex Financial Trading?*. Journal of Money and Economy Vol. 13, No. 1, Winter 2018 . Central Bank of The Islamic Republic of Iran
- Syauqi Ahmad Dunya. t.t. *Al-Mutajarah bi al-Hamisyy (Trading on the Margin)*. Mesir: Fakulti Perniagaan, Univerity al-Azhar.
- Sherin Kunhibava. 2014. *Risk Management and Islamic Forward Contracts*. Islamic Banking and Financial Crisis: Reputation, Stability and Risks. Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd.
- Wahbah al-Zuhaili. 1984. *al-Fiqh al-Islami Waadillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr

Zaini Nasohah. 2005. *Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia*. Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam Vol 27 No. 1. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953

Fatwa Dewan Syari'ah Nasional (No:28/DSN-MUI/III/2002): Jual Beli Mata Uang (Al-Sharf)